

17/05/2000

Wanita diarah serah akaun

Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Selasa - Wanita Umno diarah menyerahkan akaunnya untuk diteliti berikutan dakwaan pergerakan itu mempunyai hutang berjumlah lebih RM1.3 juta, kata Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata, Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memintanya berbuat demikian selepas di memaklumkan kedudukan akaun pergerakan itu yang tidak dikemaskini, dalam pertemuan mereka semalam.

Sehubungan itu, katanya, Bendahari Wanita Umno, Azizah Samad, sudah diminta mengemaskinikan akaun berkenaan untuk diserahkan kepada pucuk pimpinan secepat mungkin.

Rafidah juga akan menemui Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin untuk membincangkan cara menyelesaikan masalah hutang itu.

"Dalam akaun sudah tidak ada duit, kerana itu saya perlu dapatkan nasihat Tun Daim untuk cari jalan nak selesaikannya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan produk perkhidmatan akauntan secara elektronik, di sini, hari ini.

Selain tuntutan hutang RM1.3 juta yang dikemukakan oleh Pengurusan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pergerakan itu juga belum menjelaskan hutang dengan Mardi berjumlah RM14,000 iaitu kos mengendalikan kursus untuk ahli.

Isu akaun Pergerakan Wanita Umno sudah beberapa kali menjadi bahan perdebatan. Ketika Datuk Seri Dr Siti Zaharah Sulaiman memenangi jawatan itu pada 1996, beliau membangkitkan 'kehilangan' RM1.8 juta dari akaun berkenaan.

Walaupun jumlah itu dikembalikan, dua anggota parti, Zainab Abu Bakar yang juga bendahari pergerakan dan Habsah Osman, bekas penolong setiausaha ketika itu, dipecat.

Pada Januari lalu, Wanita Umno sekali lagi menjadi tumpuan apabila dikatakan terbabit dengan hutang RM12 juta sebagai kos tempahan 300 jam tangan buatan Swiss.

Dr Siti Zaharah kemudiannya menafikan pembabitan mana-mana pemimpin pergerakan itu dalam kes itu.

Dengan membangkitkan kedudukan akaun pergerakan itu sebaik sahaja dilantik semula sebagai ketua, Rafidah mengambil risiko memperjudikan kredibiliti pergerakan itu dalam soal pengurusan kewangan.

Beliau yang turut mendakwa akaun itu tidak diurus dengan baik sejak dua tahun lalu, nampaknya terpaksa mengambil tanggungjawab membersihkannya jika tidak mahu pergerakan itu menjadi bahan ketawa sekali lagi.

Malah, menurut seorang pemerhati, Rafidah mungkin perlu mendapatkan khidmat firma akauntan bebas jika mahu dilihat ikhlas dalam usahanya mengembalikan kredibiliti pergerakan.

Dalam pertemuan dengan Dr Mahathir semalam juga, Rafidah memaklumkan mengenai barisan baru jawatankuasa pergerakan itu yang antara lain tidak melantik semula Dr Siti Zaharah.

Ditanya sama ada Presiden parti bersetuju dengan senarai yang dikemukakan, Rafidah berkata: "Ia bukan soal bersetuju atau tidak. Saya hanya memaklumkan kepada Dr Mahathir serta menerangkan bahawa perlantikan itu dibuat segera kerana saya akan ke Amerika Syarikat kerana tugas pada hari Khamis.

"Saya tidak mahu bertangguh-tangguh kerana kita mempunyai tugas berat untuk membantu memastikan kemenangan calon kita di Teluk Kemang".

Rafidah berkata, isu pelantikan tergopoh-gapah seperti dibangkitkan oleh Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, tidak timbul.

"Saya meminta kawan-kawan yang tidak memahami apa yang berlaku di sebalik tabir pergerakan, usahlah membuat komen. Izinkan saya dan rakan-rakan dalam pergerakan ini menjalankan tugas yang masih banyak perlu diselesaikan," katanya.

(END)